

Kleptokratik: Ajaib kita tak muflis

Kerosakan
amat besar
sehingga
tak dapat
dinilai kesan
sepenuhnya
terhadap negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hakikat Malaysia tidak bankrap akibat kerosakan rejim kleptokratik terdahulu boleh disifatkan sebagai hampir satu keajaiban, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menegaskan demikian, bagi Perdana Menteri, kerosakan dilakukan individu tertentu sebelum ini yang didakwa menjadikan wang negara sebagai milik peribadi, bukan sahaja menjejaskan kewangan kerajaan tetapi juga institusi pentadbiran keseluruhannya.

“Satu daripada cabaran terbe-

sar selepas menumbangkan rejim kleptokratik ialah membersihkan kerosakan yang ditinggalkan dan membina semula negara.

“Tidak dinafikan IMDB (1Malaysia Development Berhad) adalah sesuatu yang amat besar, kita tidak akan dapat menilai sepenuhnya kerosakan dilakukan terhadap negara.

“Sebilangan besar hasil kerajaan sekarang diurus untuk membayar hutang, dana yang tinggal tidak mencukupi untuk perbelanjaan operasi dan pembangunan,” katanya dalam ucapan pada Persidangan Praxis Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS)

2019 'Malaysia Beyond 2020' di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Ini tegas Dr Mahathir, menandakan kerajaan mengambil banyak usaha, masa dan kewangan untuk pemulihan negara sambil menambah “apa yang kami temui adalah jauh lebih teruk daripada apa yang kami percaya”.

“Selain rasuah dan penipuan kewangan yang berleluasa ketika itu, seluruh jentera kerajaan turut disubversif dan dilemahkan,” katanya.

Katanya, sejumlah besar pendapatan kerajaan kini perlu digunakan untuk membayar hutang dan jumlah yang tinggal tidak mencukupi untuk operasi dan pembangunan.

“Ia hampir suatu keajaiban yang negara ini tidak bankrap,” katanya.

Katanya, bagi memulih dan membangunkan negara, jentera kerajaan perlu dipulihkan dan efisien.

“Ini bermakna sifar rasuah, jika boleh. Semua usaha dilakukan untuk mencapainya. Mungkin kami sudah mencapai beberapa kejayaan kerana pertumbuhan berjaya dikekalkan,” katanya.